



# UCAPAN BAJET 2014

OLEH

**Y.A.B. DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR**  
**MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN**



**KETIKA MEMBENTANGKAN**  
**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014**  
**DAN**

**MEMBAWA USUL KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN 2014**  
**PADA 25 NOVEMBER 2013**

**TEKS UCAPAN  
PEMBENTANGAN BAJET 2014  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani,

Selawat serta salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

Saya mohon izin membawa usul-usul berikut:

**Pertama:**

**Mengusulkan bahawa Rang Undang-undang yang dinamakan “Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2014 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu” dibacakan bagi kali kedua.**

**Kedua:**

**Mengusulkan satu ketetapan yang berbunyi:**

**“Bahawa butir-butir dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Dewan Bilangan 27 Palang 2013, adalah dengan ini diumumkan menjadi tujuan yang mana Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 itu boleh digunakan. Bahawa perbelanjaan sejumlah wang sebanyak tiga ratus tiga puluh lapan juta sembilan ratus lapan puluh ribu ringgit (RM338,980,000) yang ditunjukkan dalam penyata tersebut adalah dengan ini diluluskan bagi tahun 2014. Seterusnya jumlah wang yang ditunjukkan berhadapan dengan tiap-tiap butir dalam penyata itu adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang ditetapkan.”**

**PENDAHULUAN**

***“Allah lah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan air hujan dari langit, kemudian dengan (air hujan) itu dia mengeluarkan berbagai-bagai buah-buahan sebagai rezeki untuk kamu; dan Dia telah menundukkan bahtera bagi kamu supaya bahtera itu belayar di lautan dengan kehendakNYA, dan dia telah menundukkan (pula) sungai-sungai bagi kamu. Dan Dia telah menundukkan (pula) bagi kamu matahari dan bulan yang terus menerus beredar (dalam orbitnya); Dan telah menundukkan bagi kamu malam dan siang. dan ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua Yang kamu hajati. dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya, lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya.***

***Surah ke-14, Ibrahim: Ayat 32-34***

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

1. Marilah sama-sama kita memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmatNya yang telah membolehkan kita berhimpun di Dewan Yang Mulia ini bagi menyempurnakan satu tugas besar iaitu membentang, membahaskan serta meluluskan Bajet Negeri Perak bagi tahun 2014.

2. Kita juga harus bersyukur atas kurniaan Ilahi yang telah melindungi sekalian rakyat dan negeri tercinta ini dari musibah alam dan juga sosial serta politik, lantas membolehkan kita hidup aman dan damai.

3. Suasana aman damai lagi makmur yang kita nikmati sepanjang tahun berlalu telah memberi kesempatan dan kekuatan untuk Kerajaan Negeri meneruskan agenda pembangunan demi kesejahteraan rakyat seperti yang dijanjikan oleh Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum Ke-13 yang lalu.

4. Pada hari ini, 25 hari bulan November 2013, genap 6 bulan 20 hari berlalunya Pilihan raya Umum ke-13 (PRU 13), di mana Barisan Nasional memperoleh mandat untuk menerajui Kerajaan Negeri Perak. Mandat yang diperoleh ini datangnya bersekali dengan tanggungjawab untuk mentadbir dan membangunkan negeritercinta ini supaya terus aman dan makmur serta mensejahterakan kehidupan rakyat. Itulah janji Barisan Nasional kepada rakyat, sebuah janji yang berpijak di bumi nyata, tidak keterlaluan, yang berpaksikan prinsip kesederhanaan (moderation) dan InsyaAllah mampu ditunaikan dan dilaksanakan (*doable and achievable*).

5. Lantaran itu, Bajet Negeri Perak bagi tahun 2014 telah dirangka berpaksikan 5-K, iaitu komitmen, keupayaan, kesungguhan, kemapanan dan juga keterangkuman.

6. Di atas paksi 5-K tersebut, Kerajaan Negeri mensasarkan keberhasilan yang kelak bukan sahaja mampu menepati janji kepada rakyat, malah meletakkan rakyat dan negeri di atas landasan yang betul lagi kukuh menuju status negeri maju seiring dengan negara.

7. Kerajaan Negeri komited untuk meningkatkan keupayaan dengan bersungguh-sungguh dalam merangka serta melaksanakan pembangunan yang mapan dan melibatkan segenap lapisan masyarakat serta kaum secara terangkum atau pun inklusif.

8. Agenda besar seumpama ini memerlukan usaha yang juga besar dan terancang rapi serta melibatkan setiap golongan masyarakat. Oleh itu, peri pentingnya semangat kerjasama dan perpaduan adalah resipi utama dalam merealisasikan agenda yang bertunjangkan gagasan Perak Amanjaya.

9. Bajet yang dibentangkan ini memmanifestasikan langkah ke hadapan berlandaskan kemampuan Kerajaan Negeri menambah peruntukan dari setahun ke setahun, berkat pertambahan hasil yang terjana dari usaha gigih semua pihak terbabit.

10. Sejak lima (5) tahun yang lalu, jumlah hasil dan terimaan pembangunan negeri telah meningkat dari **711.84 juta ringgit** pada tahun 2009 kepada unjuran **905.61 juta ringgit** pada tahun 2013. Pertambahan hasil dan terimaan pembangunan itu telah membolehkan Kerajaan Negeri menambah peruntukan Pembangunan dari **175.84 juta ringgit** pada tahun 2009 kepada **322.20 juta ringgit** pada tahun 2013; iaitu peningkatan **146.36 juta ringgit** atau **83.23 peratus**.

11. Hakikat ini perlu dilihat sebagai pembuktian Kerajaan Negeri yang diterajui Barisan Nasional mampu menguruskan kewangan negeri

dengan baik, sekali gus membolehkan rakyat menikmati kehidupan yang sejahtera dan selesa.

12. Berlandaskan kemampuan itu, Bajet Tahun 2014 Negeri Perak dibentangkan di Dewan Negeri yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

13. Saya teruskan pembentangan Bajet 2014 ini dengan sorotan prestasi negara dan negeri pada tahun 2013 dan prospek pertumbuhan ekonomi tahun 2014.

#### **PRESTASI EKONOMI 2013 DAN PROSPEK 2014**

14. Senario ekonomi dunia masih belum pulih sepenuhnya dari krisis kewangan yang melanda pada tahun 2008 dan 2009. Secara keseluruhan, IMF pula menjangkakan pertumbuhan ekonomi di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, United Kingdom dan beberapa buah negara Eropah akan terus berkembang pada kadar 1.2 peratus sehingga 2.6 peratus pada tahun 2013 dan 2014.

15. Bank Negara Malaysia pada 15 November 2013 yang lalu membentangkan bahawa ekonomi negara berkembang pada suku ketiga 2013 pada kadar 5 peratus hasil sokongan permintaan domestik yang kukuh serta pemulihan dalam sektor eksport. Sepanjang sembilan

bulan 2013, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.1 peratus pada separuh pertama dan 4.4 peratus pada suku kedua dan seterusnya dijangka mampu berkembang pada kadar 4.5 peratus hingga 5 peratus pada 2013. Pada tahun 2014, pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan dapat dipertahankan dengan jangkauan pertumbuhan pada kadar **5 hingga 5.5 peratus**, walaupun terdapat risiko kesan pengembangan ekonomi global yang sederhana.

## **KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) NEGERI PERAK**

16. Alhamdulillah, berkat usaha bersungguh-sungguh dari kerajaan yang ada ini, bagi mewujudkan suasana politik yang stabil dan kehidupan masyarakat yang harmoni serta pertumbuhan sektor ekonomi dan perniagaan, Jabatan Perangkaan Malaysia telah merekodkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Perak tahun 2012 pada kadar **7.1 peratus** yang juga merupakan kadar pertumbuhan yang kedua tertinggi selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Melaka yang masing-masing pada kadar 7.2 peratus. Pertumbuhan tersebut dipacu dan disokong oleh sektor perkhidmatan iaitu **63 peratus** dan pembinaan **19.3 peratus**. Negeri Perak juga merupakan penyumbang yang signifikan terhadap pertumbuhan KDNK Negara dengan sumbangan **39.6 bilion ringgit** nilai tambah **dengan izin** (value added). Berdasarkan persekitaran ekonomi yang semakin rancak di Negeri Perak, tahun 2013 dan 2014 dijangka akan terus



berupaya mencatat pertumbuhan KDNK Negeri pada kadar antara **6 hingga 7 peratus.**

17. Ini ditambah lagi dengan kemampuan Negeri Perak untuk terus menarik pelaburan masuk ke negeri ini. Sehingga Ogos 2013, jumlah pelaburan sektor pembuatan yang diluluskan oleh Malaysian Investment Development Authority (MIDA) ialah sebanyak **1.16 bilion ringgit** yang merangkumi 27 projek berbanding 49 projek pada tahun sebelumnya. Jumlah tersebut terdiri daripada **894.9 juta ringgit** pelaburan asing dan **271.3 juta ringgit** pelaburan domestik yang akan mewujudkan sebanyak 3,622 peluang pekerjaan. Jumlah pelaburan tersebut tidak termasuk pelaburan di dalam sektor perkhidmatan kerana ia tidak lagi dikeluarkan oleh MIDA.

18. Sejajar dengan perkembangan positif di peringkat negara, di mana pelaburan langsung asing (FDI) tahun ini dijangka melepasi **31 bilion ringgit**, Negeri Perak boleh mengharapkan prospek yang menggalakkan pada tahun 2014. Suasana yang aman damai serta kondusif dan mesra pelabur di Negeri Perak adalah pendorong utama kepada prospek tersebut.

19. Walau bagaimanapun, suasana yang sedemikian itu hanya boleh diwujudkan melalui kestabilan politik, pentadbiran yang efisien serta warga kerja yang responsif dan produktif. Untuk tujuan yang sama, lonjakan yang kuat dari sektor swasta perlu dipertingkatkan lagi.

20. Setiap sektor utama negeri sedang dirancakkan lagi, termasuk sektor pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan juga sektor pertanian. Malah sektor perlombongan juga sedang dipulihkan semula dan dijangka akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri menjelang suku tahun ketiga tahun 2014.

21. Kepesatan pembangunan yang diterajui oleh sektor awam dan gandingan erat dengan sektor swasta serta suntikan dana oleh Kerajaan Persekutuan, diharapkan dapat terus menerus menyumbang kepada kesejahteraan rakyat di negeri ini.

22. Bagi menambah nilai kepada potensi serta nikmat pembangunan itu, Kerajaan Negeri melalui Gagasan Perak Amanjaya meneruskan pendekatan 3-Q, iaitu **dengan izin** *Quality Opportunity* (Peluang Berkualiti), *Quality Income* (Pendapatan Berkualiti) dan *Quality Living* (Kehidupan Berkualiti), supaya rakyat benar-benar dapat menikmati manfaat dari pembangunan yang rancak itu.

23. Pelbagai usaha telah diambil bagi menarik lebih banyak pelaburan, justeru aktiviti penggalakan pelaburan ke Negeri Perak perlu dilaksanakan dengan lebih berstrategik. Ini sejajar dengan matlamat transformasi ekonomi nasional ke arah negara maju berpendapatan tinggi. Pelaburan baru yang berteknologi tinggi dan memberi impak yang tinggi serta lestari alam perlu diutamakan. Sebagai sokongan Kerajaan Negeri terhadap InvestPerak, Kerajaan Negeri akan

menambah peruntukan sebanyak **300 ribu ringgit** menjadikannya **2 juta ringgit** pada tahun 2014.

24. Berlandaskan potensi serta kekuatan sedia ada, bersekali pula dengan penambahbaikan yang berterusan, negeri dan rakyat Perak boleh mengharapkan tahun 2014 sebagai satu lagi tahun yang insyaAllah membawa kejayaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

25. Seterusnya saya ingin melakarkan gambaran di mana kita berada supaya dapat diterapkan ke mana arah tuju kita pada tahun 2014.

### **SILING RANCANGAN MALAYSIA KE-SEPULUH (RMKe-10)**

26. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) akan memasuki tahun keempat pelaksanaannya pada tahun 2014. Sehingga 1 November 2013, peruntukan yang diluluskan di bawah Rolling Plan ke-3 (*Third Rolling Plan*) untuk Negeri Perak ialah sebanyak **3.82 bilion ringgit**, termasuk siling peruntukan 2013 berjumlah **1.83 bilion ringgit**. Kesemua peruntukan tersebut digunakan bagi membiayai 516 projek/program yang telah diluluskan di mana 321 merupakan projek/program baru dan 195 projek/program sambungan. Sehingga kini, sebanyak 260 projek/program telah berjaya disiapkan sepenuhnya

dan selebihnya 256 projek/program masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

27. Bagi projek-projek RMKe-10 di bawah peruntukan Kerajaan Negeri pula, sejumlah **916.2 juta ringgit** telah diperuntukkan mulai tahun 2011 hingga 2013 di bawah Bajet Pembangunan negeri.

28. Sukacita juga saya memaklumkan, oleh kerana peruntukan pembangunan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sentiasa bertambah dari setahun ke setahun mulai 2011 sehingga ke tahun 2014, maka Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menaikkan siling peruntukan RMKe-10 di bawah peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak **100 juta ringgit** kepada **1.6 bilion ringgit**.

## **WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA (NCER)**

29. Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan pada tahun 2007 bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di kawasan utara Malaysia termasuk di kawasan utara Negeri Perak. Kini ia telah berada pada fasa kedua di mana tumpuan diberikan ke arah memperluas dan mendalamkan penyertaan sektor swasta.

30. Pada tahun ini iaitu sehingga Jun 2013, pihak NCIA telah berjaya menarik penglibatan sektor swasta sebanyak **166.5 juta ringgit** di kawasan Kamunting dan Taiping. Di antara projek-projek yang sedang giat dijalankan di Utara Perak adalah seperti hotel bertaraf empat

bintang iaitu hotel Novotel dan pusat membeli-belah yang dijangka siap pada tahun 2014. Projek-projek baru ini bakal mewujudkan 3,650 peluang pekerjaan dan perniagaan. Selain itu, terdapat juga empat buah hotel lagi yang bernilai **410 juta ringgit** juga akan di bina di kawasan Kamunting dan Taiping dari tahun 2013 ke 2016.

31. Di bawah NCIA, projek Kompleks Akuakultur Selinsing seluas 1,100 ekar telah diusahakan oleh pihak swasta dengan kos pelaburan sebanyak **150 juta ringgit**. Ia merupakan projek ternakan akuakultur udang putih dan pemprosesan hasil produk udang. Sehingga kini, pembangunan 300 ekar di Selinsing telah siap dibangunkan. Selain itu, projek meningkatkan hasil padi telah dimulakan di Batu Kurau melalui program Model Pengurusan Estet Padi, juga dengan penglibatan pelaburan **3.8 juta ringgit** daripada pihak swasta yang telah berjaya memajukan tanah sawah terbiar seluas 58 hektar.

32. Pihak NCIA juga telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak untuk melaksanakan kajian Strategik “Greater Kamunting”. Antara perkara yang diberi penekanan di dalam kajian ini adalah penyediaan infrastruktur yang berpotensi untuk menarik penglibatan sektor swasta sebanyak **18 bilion ringgit** iaitu dari tahun 2013 sehingga 2030 melalui 34 projek permulaan sekali gus bakal memberi impak pertumbuhan ekonomi dan perindustrian di negeri Perak. Projek pertama dijangka akan bermula pada penghujung tahun ini dengan nilai pelaburan sebanyak **400 juta ringgit** membabitkan kerjasama antara sektor swasta tempatan dan luar negara.

33. Selain itu, NCIA juga telah membiayai beberapa projek khusus untuk pembangunan pelancongan di Utara Perak seperti usaha merealisasikan Pembangunan Taiping sebagai “Bandar Warisan”, Tapak Warisan Dunia Lenggong dan pembangunan pelancongan di kawasan Royal Belum.

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang Dipertua,

### **FOKUS BAJET 2014**

34. Berbekalkan kekuatan serta potensi sedia ada dan ditokok dengan orientasi kecekapan yang dipertingkatkan dari semasa ke semasa, Kerajaan Negeri yang diterajui Barisan Nasional beriltizam untuk memenuhi segala janji pada PRU-13, iaitu janji untuk meneruskan usaha memajukan negeri.

35. Bertemakan **NEGERI AMANJAYA, RAKYAT SEJAHTERA**, Bajet 2014 akan bertumpu kepada lima (5) fokus utama iaitu:

**Pertama:** Menggerakkan pembangunan ekonomi yang menjana kehidupan berkualiti;

**Kedua:** Meneruskan pembentukan modal insan yang berdaya saing;

**Ketiga:** Keterlibatan masyarakat dalam mensejahterakan rakyat dan membina masa hadapan yang cemerlang;

**Keempat:** Memperkukuhkan pentadbiran yang responsif dan inovatif dan;

**Kelima:** Meningkatkan jaringan infrastruktur dan kemudahan awam

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

## **FOKUS PERTAMA: MENGERAKKAN PEMBANGUNAN EKONOMI YANG MENJANA KEHIDUPAN BERKUALITI**

### **Pelan Pembangunan Perak Amanjaya**

36. Gagasan Perak Amanjaya diwujudkan dengan salah satu prinsipnya untuk mencapai agihan ekonomi dan kualiti hidup yang seimbang dan membolehkan semua lapisan masyarakat di Negeri Perak menikmati kualiti kehidupan yang yang lebih baik, iaitu selaras dengan konsep 3Q seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

## **Pembangunan Bandar-Bandar Baru dan Pekan Kecil**

37. Kerajaan Negeri akan terus membangunkan bandar-bandar baru dan pekan-pekan kecil di Negeri Perak bagi membolehkan nikmat pembangunan dinikmati oleh semua rakyat Perak di seluruh pelosok Negeri. Sehingga kini, kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) telah membangunkan empat (4) buah pekan kecil iaitu Bota, Lawin, Kampung Gajah dan Manjoi. Seterusnya, mulai 2013 sehingga 2018, tiga (3) buah pekan kecil sedang dibangunkan iaitu Ijok, Trong Sauk dan Kubu Gajah manakala beberapa lagi pekan kecil berada dalam peringkat perancangan termasuk Bandariang, Bukit Gantang, Lekir, Kuak dan Beruas. Program pembangunan ini akan diperluaskan kepada tiga puluh (30) lagi pekan-pekan kecil di seluruh Negeri Perak.

38. Pembangunan Bandar Meru Raya kini sedang rancak berjalan, antaranya dengan siapnya pelbagai taman perumahan, bangunan kerajaan, bangunan perniagaan seperti pasar raya Mydin, Hotel Casuarina, Tenby International School dan kemudahan Terminal Aman Jaya. Menjelang awal tahun 2014, kumpulan PKNP akan memulakan kerja-kerja pembangunan **dengan izin** *Animation Theme Park* yang akan disokong dengan pembangunan *Theme Hotel and Water Park, Shopping Mall, Firefly Street* dan Kondominium. Kerajaan Negeri yakin pembangunan di Meru Raya akan menjadikannya sebuah bandar baru bersepadu di Negeri Perak.



Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

### **Meneruskan Agenda Pembangunan Lestari (Sustainable Development)**

39. Pada tahun 2013, Negeri Perak mempunyai liputan hutan seluas 0.43 hektar per kapita berbanding negara iaitu 0.20 hektar per kapita. Ini merupakan satu pencapaian yang signifikan untuk negeri Perak yang kian pesat membangun. Walau bagaimanapun, usaha Kerajaan Negeri tidak berhenti setakat itu. Untuk mempromosikan kesedaran yang lebih tinggi kepada masyarakat terhadap usaha penghijauan alam dan pemeliharaan alam sekitar, Kerajaan Negeri telah melancarkan Kempen Menanam Sejuta Pokok Negeri Perak pada 8 Mac 2013. Pokok yang kesejuta telah ditanam oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak semasa Majlis Perasmian **Amanjaya Tree Planting** pada 7 November 2013. Kita kini telah memasuki fasa kedua proses menghijaukan dan mewujudkan suasana biodiversiti di Negeri Perak dengan menanam dua juta lagi pokok termasuk di kawasan hutan paya bakau.

40. Pada akhir tahun ini, beratus-ratus hektar hutan terosot (*degraded forest*), hutan telah dibalok dan pesisiran pantai telah ditanam semula dengan pelbagai spesies pokok yang bersesuaian. Kejayaan ini membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menyeimbangkan kemajuan sosioekonomi dengan perlindungan alam sekitar serta pemuliharaan fauna dan flora negeri. Usaha ini telah

menyumbang kepada aspirasi negara untuk menambah keluasan tanah berhutan kepada 50 peratus.

41. Sukacita saya menyatakan bahawa Negeri Perak beriltizam untuk menguruskan hutan-hutan simpan kita melalui amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan **dengan izin** *Sustainable Forest Management* (SFM). Dalam konteks ini, cabaran terbesar yang dihadapi Kerajaan Negeri adalah untuk menyeimbangkan atau **dengan izin** *to strike a balance* antara pembangunan tanah dan amalan *Sustainable Forest Management*. Untuk itu, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan bersepadu melibatkan pelbagai agensi untuk membolehkan situasi menang-menang, di mana kelestarian alam sekitar di Negeri Perak dapat dipelihara dan dalam masa yang sama pembangunan negeri untuk kesejahteraan rakyat dapat diteruskan.

42. Komitmen Kerajaan Negeri dalam pembangunan lestari ini telah dibuktikan apabila Kerajaan Negeri pada 8 Februari 2013 telahewartakan seluas 18,866 hektar kawasan hutan, yang kini dikenali sebagai Hutan Simpan Amanjaya yang terletak di sepanjang Lebuhraya Timur-Barat. Kawasan ini akan diuruskan secara langsung oleh Jabatan Perhutanan Negeri. Pewartaan ini menjadi bukti sokongan Kerajaan Negeri terhadap wawasan Kerajaan Pusat untuk menjayakan projek *Central Forest Spine* (CFS).

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

## **Pelan Induk Bersepadu Hutan Tropika Belum-Temengor (IMP-BTTR)**

43. **Pelan Induk Bersepadu Hutan Tropika Belum-Temengor (IMP-BTTR)** merupakan dokumen pelan pengurusan strategik jangka panjang mulai tahun 2015 sehingga 2020 yang merangkumi kawasan **dengan izin** *Upper Belum* seluas 152,495 hektar dan *Lower Belum* seluas 147,505 hektar. Pelan tersebut bertujuan untuk menggerakkan dan menggalakkan aktiviti pelancongan yang berdaya maju di kawasan berkenaan. Antara projek yang telah dilaksanakan adalah menaik taraf tiga (3) *base camp* Perbadanan Taman Negeri Perak di Sungai Kejar, Sungai Papan dan Sungai Tiang dan projek pembangunan perkampungan pelancongan. Bagi memantapkan industri pelancongan di kawasan ini, pelbagai latihan dalam aspek pelancongan diberikan kepada Orang Asli setempat supaya mereka berkemahiran dalam bidang penggalakan pelancongan dan dalam masa yang sama dapat menjana pendapatan untuk meningkatkan taraf hidup. Di samping itu, beberapa projek sedang dilaksanakan di bawah seliaan NCIA, antaranya pembinaan jeti awam Pulau Banding, penyediaan pakej pelancongan Royal Belum dan aktiviti pemasaran dan promosi Royal Belum.

## **Pembangunan Geopark Lembah Kinta**

44. Seperti Yang Berhormat sekalian sedia maklum, Lembah Kinta mempunyai begitu banyak sumber warisan geologi dan warisan budaya serta terkenal dengan warisan perlombongan bijih timah dengan kepelbagaian landskap semula jadi yang unik serta nilai sejarah geologi dan saintifik yang tinggi.

45. Sebagai langkah permulaan, pada tahun 2014, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit** untuk digunakan bagi mengadakan kajian saintifik dan penulisan *dossier* iaitu koleksi dokumen-dokumen berkenaan Lembah Kinta Geopark serta pembentukan jaringan, kempen kesedaran dan promosi dan lain-lain keperluan. *Dossier* yang benar-benar memenuhi kehendak UNESCO akan disediakan dalam tempoh dua hingga tiga tahun selepas pelaksanaan kajian saintifik sebelum *dossier* tersebut dikemukakan kepada panel penilai **dengan izin** Global Geopark Network untuk diiktiraf sebagai geopark bertaraf global.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Sektor Pertanian**

46. Walau pun Negeri Perak kian rancak membangun dari aspek fizikal melalui aktiviti perniagaan dan perindustrian, sektor pertanian masih lagi diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, untuk

terus menyokong industri pertanian di negeri ini, peruntukan **8 juta ringgit** akan disediakan pada tahun 2014 bagi melaksanakan pelbagai program dan projek penggalakan serta pembangunan pertanian di Negeri Perak. Bagi memastikan sektor pertanian terus mempunyai kesinambungan, Jabatan Pertanian Negeri telah diminta untuk memfokuskan latihan-latihan pertanian kepada generasi muda.

### **Sektor Penternakan**

47. Sektor ternakan menjadi kian penting kerana pertambahan penduduk menambahkan permintaan terhadap bahan makanan yang dihasilkan oleh sektor ini.

48. Industri ternakan di Negeri Perak mencatatkan pengeluaran komoditi berjumlah **2.68 bilion ringgit**.

49. Dalam usaha untuk terus menyokong industri penternakan ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **9 juta ringgit** pada tahun 2014. Sebanyak 16 program akan dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri bagi menjayakan sasaran **dengan izin** Perak Amanjaya Major Outcome yang diwujudkan oleh jabatan tersebut. Antara program yang akan dilaksanakan adalah program pembangunan komoditi lembu pedaging, lembu tenusu, kambing dan rusa. Selain itu, program pembiakbakaan dan pembangunan pemakanan ternakan akan terus dipergiatkan bagi menjadikan Negeri Perak antara pengeluar makanan berasaskan ternakan yang utama di

Malaysia. Peruntukan ini tidak termasuk yang disalurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

## **Sektor Pelancongan**

50. Sektor pelancongan di Negeri Perak semakin pesat berkembang. Ini dibuktikan dengan begitu banyaknya pertumbuhan hotel-hotel baru terutama di sekitar Bandar raya Ipoh dan juga di bandar-bandar yang lain. Untuk itu, sebanyak **8 juta ringgit** disediakan pada tahun 2014 untuk membiayai pelbagai kegiatan penggalakan pelancongan bagi mencapai sasaran **5 juta** orang pelancong ke Negeri Perak pada tahun 2014. Ia juga sejajar dengan pengisytiharan tahun 2014 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Kerajaan Negeri akan mengambil peluang ini dengan melaksanakan program yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa serta aktiviti promosi yang tersusun agar dapat menarik pelancong dari luar Negeri Perak. Selain itu, usaha yang berterusan untuk melahirkan lebih ramai pemandu pelancong terlatih dan mewujudkan pakej-pakej pelancongan yang menarik akan dipertingkatkan lagi.

51. Program-program peringkat antarabangsa yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2013 ialah Royal Belum World Drum Festival, World Congress Of Poets, Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa Pangkor, Ipoh International Run, Ipoh International Waiter Race, Asean Pro Explore Quest dan Pangkor International Jet Race.

52. Oleh itu Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan untuk **Program Persidangan dan Seminar Antarabangsa dan Program Pelancongan Sukan** yang masing-masing disediakan peruntukan **3 juta ringgit**.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

## **FOKUS KEDUA: MENERUSKAN PEMBENTUKAN MODAL INSAN YANG BERDAYA SAING**

### **Pembangunan Modal Insan Di Peringkat Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi**

53. Modal insan adalah aset penting bagi sesebuah negara atau negeri. Aset ini perlu diperlengkapkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta nilai-nilai keinsanan sama ada rohani mahu pun jasmani supaya mampu memacu rakyat dan negara ke arah kemajuan dari pelbagai aspek dan dimensi.

54. Sejak 2009 sehingga September 2013, Kerajaan Negeri telah memberikan sumbangan dermasiswa sebanyak **47.49 juta ringgit** kepada seramai **63,938 orang** atau purata **12,787 orang** setahun untuk anak Perak yang berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat Sijil, Matrikulasi, Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan PhD. Oleh

kerana jumlah permohonan sentiasa bertambah dari setahun ke setahun, maka Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan dermasiswa “one off” pada tahun 2014 sebanyak **1 juta ringgit** kepada **11 juta ringgit**. Dengan peruntukan tersebut, kira-kira **13 ribu orang pelajar** anak Negeri Perak akan menerima manfaatnya pada 2014.

55. Pada 13 Disember 2012, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) telah diluluskan kenaikan taraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menjadi sebuah Kolej Universiti. Dengan kenaikan taraf ini, pelbagai usaha perlu dijalankan oleh KUISAS bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing, di samping keperluan untuk pengurusan, pembangunan dan penyelidikan yang lebih komprehensif. Bagi merealisasikan objektif penubuhan KUISAS, Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan **16 juta ringgit** pada tahun 2014.

56. Bagi membantu anak-anak Negeri Perak melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, **Kumpulan Wang Biasiswa Anak-Anak Melayu dan Bukan Melayu Negeri Perak** telah ditubuhkan. Sejak 1973 sehingga 2012, seramai **9,664 orang** anak-anak Negeri Perak telah ditaja pengajiannya dengan jumlah tajaan sebanyak **90.17 juta ringgit**. Bagi meneruskan usaha ini, peruntukan **5 juta ringgit** disediakan pada tahun 2014 bagi membantu pelajar anak Perak yang layak untuk mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan Negeri.



57. Golongan mahasiswa merupakan pewaris kepada kepimpinan negara, justeru atas keprihatinan untuk melihat golongan ini diperkasakan, kerajaan akan menyediakan peruntukan bagi **Program Pengupayaan Mahasiswa** sebanyak **1.5 juta ringgit**.

58. **Program Pemetaan Minda (Mind Mapping)** diperkenalkan sejak 2012 bertujuan untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Program ini dilaksanakan oleh Yayasan Perak dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri dengan memberi fokus kepada 13,500 orang pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di seluruh Negeri Perak. Bagi meneruskan program ini, peruntukan **3.5 juta ringgit** disediakan pada tahun 2014.

59. Sejak diperkenalkan pada 2011 sehingga Oktober 2013, peruntukan bagi membaik pulih **Sekolah Agama Rakyat** telah dibelanjakan sebanyak **7.26 juta ringgit** untuk **144 projek**. Peruntukan **3 juta ringgit** akan diteruskan pada tahun 2014 bagi menaik taraf sekolah-sekolah Agama Rakyat agar dapat menyediakan kemudahan pembelajaran yang selesa.

60. **Program Tuisyen Online** atau kini dikenali sebagai **(dengan izin) EzLearn2u** telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 yang dikendalikan oleh KPerak Implementation and Coordination Corporation (Kperak) mula menampakkan hasil apabila semakin ramai pelajar anak Perak menggunakannya. Program tersebut telah menerima *hit* seramai **466,905** orang pengunjung (*visitor*). Program ini kini menawarkan tutorial secara *online* bagi mata pelajaran Matematik

Tambahan dan Fizik dan akan ditambah dengan mata pelajaran Sejarah, Bahasa Malaysia, Biologi, Kimia dan Matematik pada masa hadapan. Untuk terus menyokong inisiatif ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan **2.5 juta ringgit** pada tahun 2014.

61. Kerajaan juga akan meneruskan **Program Tuisyen Gemilang** yang dikendalikan oleh Yayasan Perak dengan peruntukan sebanyak **1 juta** ringgit, khusus untuk meningkatkan prestasi dan melahirkan pelajar – pelajar luar bandar yang cemerlang di peringkat UPSR, SPM dan STPM.

62. **Program Asrama Amanjaya Harmoni (AsAH)** yang diwujudkan di bawah inisiatif Gagasan Perak Amanjaya akan terus dimantapkan dengan peruntukan **2.3 juta ringgit** pada tahun 2014. Ia merupakan satu wadah untuk memberi bantuan kemudahan asrama kepada pelajar yang datang dari keluarga berpendapatan rendah dari luar bandar. Ia juga merupakan medium untuk merapatkan jurang pendidikan berkualiti di antara pelajar bandar dan luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

63. Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan kepada **Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina dan Mubaligh** berjumlah **2 juta ringgit** dan bantuan perbelanjaan utiliti untuk **Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil** dengan peruntukan **1 juta ringgit** pada tahun 2014.

64. Peruntukan untuk **Aktiviti Keguruan dan PIBG** juga akan terus disediakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2014 dengan disediakan peruntukan sebanyak **3 juta ringgit**.

65. Bagi meningkatkan kualiti pendidikan di kalangan anak-anak kaum India, Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan **1 juta ringgit** untuk **Tabung Khas Pendidikan Anak-Anak Kaum India** pada tahun 2014.

66. **Tabung Pendidikan Negeri** di bawah kendalian **Yayasan Perak** telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2010 untuk memberikan bantuan berbentuk Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) berjumlah **200 ringgit seorang** kepada anak atau bayi kelahiran Negeri Perak. Bagi meneruskan program ini, peruntukan **500 ribu ringgit** akan disediakan pada tahun 2014.

67. Bagi menjaga kepentingan pendidikan anak-anak Orang Asli, maka pada tahun 2014, Kerajaan Negeri akan meneruskan **Program Kecemerlangan Murid Orang Asli** dengan peruntukan **500 ribu ringgit**.

68. Ini menjadikan keseluruhan peruntukan untuk pembangunan modal insan ialah sebanyak **53.8 juta ringgit** dengan pelaksanaannya merentasi sempadan kaum dan agama agar generasi muda Negeri Perak terus berdaya saing.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

**FOKUS KETIGA: KETERLIBATAN MASYARAKAT DI DALAM MENSEJAHTERAKAN RAKYAT DAN MEMBINA MASA HADAPAN YANG CEMERLANG**

69. Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan lagi peranan serta keterlibatan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) dalam membuat perancangan serta keputusan untuk memantapkan lagi pencapaian gagasan Perak Amanjaya dan Program Transformasi Nasional. Melalui cara ini, diharapkan dapat diperkasakan lagi ketepatan hala tuju **dengan izin** 'sense of purpose' dan juga rasa kesiapsiagaan atau 'sense of urgency' bagi menepati peranan Kerajaan sebagai pembela rakyat.

70. Keterlibatan anggota masyarakat dalam program dan gerak kerja pembangunan sentiasa digalakkan oleh Kerajaan Negeri. Ini bertujuan untuk melahirkan golongan rakyat yang responsif serta partisipatif terhadap program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Selain dari itu, keterlibatan rakyat juga diharapkan dapat menjadi mata dan telinga kepada kerajaan bersabit keberhasilan yang dicapai serta memantapkan lagi proses penambahbaikan di mana perlu.

71. Salah satu kaedah yang diguna pakai dalam pendekatan ini ialah penglibatan masyarakat sivil dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

72. Untuk membantu pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan supaya bergerak aktif, pada tahun 2014 Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak **6 juta ringgit**.

73. Selain itu, peruntukan sebanyak **3 juta ringgit** juga diberikan khusus untuk **Program Pembangunan Wanita dan Kebajikan**.

74. Golongan muda selaku tunjang kekuatan negara juga tidak dikesampingkan di mana kerajaan akan meneruskan **Program Pengupayaan Generasi Muda** melalui peruntukan sebanyak **2 juta ringgit**.

### **Peruntukan Hal Ehwal Bukan Islam**

75. Dalam usaha menambah baik dan meluaskan pelbagai program untuk masyarakat bukan Islam di Negeri Perak, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan untuk Hal Ehwal Bukan Islam menjadi **4 juta ringgit** pada tahun 2014, termasuk **500 ribu ringgit** untuk kaum Sikh.

### **Pembasmian Kemiskinan**

76. Fenomena kemiskinan melibatkan pelbagai manifestasi seperti kekurangan pendapatan dan sumber-sumber produktiviti untuk meneruskan kehidupan yang sempurna, kekurangan nutrisi makanan, kekurangan akses pendidikan dan sebagainya. Malah kemiskinan juga

dicirikan sebagai kekurangan dalam penglibatan untuk membuat keputusan di dalam kehidupan masyarakat.

77. Namun, dalam isu kemiskinan ini, satu perkara yang tidak harus dilupakan ialah fenomena kemiskinan tidak pernah terhenti. Bahkan, fenomena kemiskinan boleh meningkat pada satu-satu masa terhadap individu atau keluarga yang terkeluar daripada jaringan keselamatan sosial dan sokongan keluarga akibat kesan tekanan suasana ekonomi serta konflik. Lantaran itu, maka wujudnya golongan miskin menjadi miskin tegar, golongan mudah miskin benar-benar jatuh miskin dan juga mereka yang mengalami kemiskinan berulang.

78. Izinkan saya memetik kata-kata seorang pakar ekonomi bernama Dr Jeffrey D. Sachs dalam karya beliau bertajuk **“The End Of Poverty”** yang berbunyi dengan izin *“The key to ending poverty is to enable the poorest of the poor to get their foot on the ladder of development. The ladder of development hovers overhead, and the poorest of the poor are stuck beneath. They lack the minimum amount of capital necessary to get a foothold, and therefore need a boost up to the first rung”*.

79. Terjemahannya lebih kurang begini, iaitu, *“Kunci kepada usaha untuk membasmi kemiskinan tegar ialah dengan mengupayakan golongan termiskin meletakkan diri mereka di atas tangga pembangunan. Tangga pembangunan selalunya berada di atas, manakala mereka yang termiskin berada di bawah. Mereka tidak*

*mempunyai modal yang mencukupi untuk memulakan langkah awal ke hadapan, justeru memerlukan lonjakan rangsangan untuk berbuat demikian".* Inilah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri, lantas menyediakan pelbagai lonjakan serta rangsangan dalam pendekatan yang digunapakai bagi membasmi kemiskinan.

80. Justeru, usaha pembasmian kemiskinan serta pemberian bantuan kepada golongan miskin tegar dan miskin akan terus menjadi agenda utama pihak kerajaan. Untuk itu, pelbagai usaha sama ada secara langsung atau tidak langsung, telah, sedang dan akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dari pelbagai sudut untuk menangani kemiskinan tegar dan mengurangkan bilangan keluarga miskin di Negeri Perak yang tercinta ini.

### **Bantuan Kebajikan**

81. Umum mengetahui betapa pentingnya peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menyediakan dan menyampaikan pelbagai perkhidmatan sosial kepada kumpulan-kumpulan sasarannya untuk menikmati arus pembangunan dan kemakmuran negara. Sehingga September 2013, Kerajaan Negeri melalui JKM telah membelanjakan sebanyak **85.9 juta ringgit** peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk disalurkan kepada **37,917 penerima** bantuan kebajikan. Menyedari kepentingan program-program di bawah JKM serta bagi memenuhi lebih banyak permohonan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menambah peruntukan

Bantuan Am sebanyak **2.0 juta ringgit** menjadi **24.84 juta ringgit** pada tahun 2014. Dengan penambahan ini, Kerajaan Negeri berharap agar bantuan minimum **150 ringgit** sebulan dapat dinikmati oleh lebih ramai pemohon yang layak.

82. Usaha menyediakan rumah kediaman yang selamat dan selesa amat diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Untuk itu, peruntukan **5 juta ringgit** di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) akan diteruskan pada tahun 2014.

83. Begitu juga Program Bantuan Barangan Makanan untuk keluarga yang kurang berkemampuan, di mana Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan **5 juta ringgit** pada tahun 2014.

84. Nasib anak yatim sentiasa dekat di hati Kerajaan Negeri. Peruntukan khusus untuk golongan ini yang telah mula disediakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 dengan peruntukan **250,200 ringgit** dan kemudiannya ditambah kepada **1 juta ringgit** pada tahun 2013. Oleh itu, peruntukan **1 juta ringgit** akan diteruskan pada 2014 untuk membantu anak yatim, dan ianya akan disalurkan melalui pusat-pusat jagaan anak yatim yang berdaftar di Negeri Perak.

85. Selain golongan anak yatim, golongan warga tua turut menjadi keprihatinan Kerajaan Negeri. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan **150 ribu ringgit** pada 2014 sebagai bantuan pemberian pengurusan di tujuh (7) buah pusat jagaan warga tua yang



berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Negeri Perak berdasarkan bantuan per kapita **300 ringgit seorang**.

86. Seperti pada tahun 2013, Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan **200 ribu ringgit** pada 2014 untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) agar dapat menganjurkan atau menyertai aktiviti sukan. Dengan peruntukan tersebut, adalah diharapkan kehidupan golongan OKU di Negeri Perak lebih terisi dengan aktiviti yang sihat.

87. Kemajmukan masyarakat Negeri Perak mewujudkan kepelbagaian sambutan perayaan yang diraikan bersama. Bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan **1 juta ringgit** di bawah Program Bantuan Wang Tunai Perayaan pada tahun 2014.

88. Melalui urus tadbir yang baik, Lembaga Air Perak (LAP) saban tahun berjaya meraih keuntungan yang boleh dibanggakan. Dengan keuntungan tersebut, LAP telah mampu memberikan subsidi bekalan air percuma kepada keluarga yang miskin sebagai satu tanggungjawab sosialnya. Sehingga Oktober 2013, sebanyak **10,531 keluarga/rumah** telah menerima pemberian subsidi air ini dengan nilai berjumlah **4.31 juta ringgit**. Untuk itu, program ini akan diteruskan.

89. **Skim Tabaruk** yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2010 sehingga kini telah mendaftar seramai **72,049 orang** peserta yang terdiri antaranya daripada golongan Orang Kelainan

Upaya (OKU), penerima bantuan bulanan Baitulmal, Orang Asli dan warga emas yang kurang berkemampuan. Sehingga September 2013, seramai **592 orang** waris telah menerima manfaat skim ini dengan perbelanjaan sebanyak **964,000 ringgit**. Bagi meneruskan skim ini, peruntukan **3.0 juta ringgit** akan disediakan pada tahun 2014.

### **Kluster Ekonomi Keluarga (Family Economic Cluster)**

90. Program berbentuk pinjaman di bawah **Kluster Ekonomi Keluarga** (*Family Economic Cluster*) diwujudkan untuk membantu ahli keluarga mewarisi atau pun menambah baik perniagaan sedia ada yang dijalankan oleh keluarga tersebut. Sebagai contoh, sekiranya ketua sesebuah keluarga itu penjual pisang goreng, maka anaknya boleh meminjam di bawah skim ini untuk mendapatkan modal menjadi peraih buah pisang. Dengan ini, ekonomi keluarga tersebut akan berkembang dan maju. Memandangkan sambutan yang menggalakkan terhadap program tersebut, peruntukan **1 juta ringgit** akan terus disediakan pada tahun 2014.

91. Segala bantuan serta sumbangan yang disediakan itu sama ada berbentuk 'joran' atau pun 'ikan', adalah bermatlamat untuk pembasmian kemiskinan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Kiosk Amanjaya**

92. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri pernah membekalkan **Kiosk Amanjaya** kepada peniaga-peniaga kecil di setiap daerah. Kiosk ini amat diterima baik oleh ramai peniaga kecil kerana mampu menaikkan imej perniagaan mereka dengan ruang yang lebih bersih dan cantik. Sebagai menyahut permintaan yang tinggi terhadap kiosk ini, maka Kerajaan Negeri akan membekalkan 250 unit Kiosk Amanjaya pada 2014 dengan peruntukan **1 juta ringgit**.

### **Program Mikro Kredit Amanjaya**

93. Selain dari Kluster Ekonomi Keluarga (*Family Economic Cluster*) dan Kiosk Amanjaya yang masing-masing diberi peruntukan 1 juta ringgit untuk tahun 2014. Kerajaan Negeri juga melalui Program Mikro Kredit Amanjaya, menyediakan kemudahan bantuan merangkumi Skim Iktisad Bina Upaya (IBU) dan Skim Mikro Kredit Amanjaya Belia Niaga. Sehingga Julai 2013, seramai **481 orang** pemohon di bawah pelbagai skim tersebut telah menerima pinjaman berjumlah **3.2 juta ringgit**. Memandangkan skim-skim tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan serta bermanfaat, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan **1 juta ringgit** untuk Skim Mikro Kredit Amanajaya Belia Niaga dan menambah **1 juta ringgit** untuk Skim Iktisad Bina Upaya, menjadikannya **4 juta ringgit** pada tahun 2014.

## **Pengupayaan Aktiviti Kemasyarakatan**

94. Sejalan dengan tema Bajet 2014 iaitu “Perak Amanjaya, Rakyat Sejahtera”, fokus terhadap memelihara keselamatan dan ketenteraman awam akan terus dipergiatkan dengan gembleran tenaga semua agensi terbabit. Oleh itu, Kerajaan Negeri menaikkan peruntukan bagi **Program Pencegahan Jenayah** dari **500 ribu ringgit** pada tahun 2013 kepada **1 juta ringgit** pada tahun 2014. Program seperti ini akan dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, badan-badan sukarela serta pihak-pihak yang berobjektifkan pencegahan jenayah.

95. Faktor berlakunya jenayah turut dipengaruhi oleh faktor dadah. Untuk itu, Kerajaan Negeri juga akan menambah peruntukan untuk **Program Pembasmian Najis Dadah** dari **200 ribu ringgit** pada 2013 kepada **500 ribu ringgit** pada tahun 2014.

96. Pasukan **Rukun Tetangga** memainkan peranan yang penting di dalam memupuk perpaduan di kalangan rakyat pada peringkat akar umbi. Perpaduan dan sikap toleransi serta keterimaan di kalangan rakyat yang majmuk adalah kunci dan tonggak kejayaan negara Malaysia dan Negeri Perak. Sehubungan itu, program-program berbentuk perpaduan di kalangan masyarakat perlu diteruskan, dan untuk itu, bagi meneruskan agenda pembinaan perpaduan, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan Program Perpaduan di bawah Rukun Tetangga sebanyak **200 ribu ringgit** kepada **700 ribu ringgit** pada tahun 2014.

97. Kerajaan Negeri mengucapkan tahniah kepada Pasukan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia yang telah dinaikkan taraf menjadi sebuah jabatan dan kini dikenali sebagai **Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)** pada Ogos 2013 yang lalu. Seajar dengan peranannya, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan untuk program RELA sebanyak **300 ribu ringgit** pada tahun 2014.

98. Peruntukan **1.5 juta ringgit** untuk program dan **aktiviti masyarakat Orang Asli** yang telah disediakan pada tahun 2013 akan terus diperuntukkan pada tahun 2014. Melalui peruntukan ini, masyarakat Orang Asli dapat melaksanakan pelbagai aktiviti yang dapat membina minda dan meletakkan mereka dalam arus pembangunan semasa.

99. Sukan dapat membina dan mengukuh perhubungan sosial di kalangan ahli komuniti kerana sukan merupakan instrumen paling mudah dan berkesan untuk berinteraksi dan berkomunikasi secara berterusan antara satu sama lain. Sukan juga membolehkan penyertaan yang meluas dari pelbagai golongan serta peringkat anggota komuniti tanpa mengira usia, jantina atau kaum. Malah sukan boleh menyumbang kepada pembaharuan dan peningkatan tahap kejuruan melalui peningkatan prestasi komuniti. Buat pertama kalinya, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan **1 juta ringgit** pada 2014 untuk program-program **Sukan Massa** iaitu sukan untuk semua seperti bola sepak, bola jaring, badminton, futsal dan sebagainya yang melibatkan masyarakat setempat, bertujuan untuk mengekalkan dan

meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat di Negeri Perak.

100. Kejayaan peranan **Pusat Kerjaya Amanjaya (PeKA)** yang ditubuhkan pada 2012 untuk membantu mencari, menyelaraskan, memadamkan kerja serta memberikan pengetahuan kepada pencari pekerjaan dinilai berdasarkan angka bilangan penempatan yang telah berjaya dilakukan. Sejak penubuhan PeKA sehingga September 2013, seramai **11,968 orang** pencari kerja telah mendapat pekerjaan melalui usaha-usaha yang telah dilaksanakan. Selain itu, bilangan majikan yang berdaftar dengan PeKA dan bersetuju bekerjasama dengan PeKA juga telah bertambah kepada 954 majikan. Bagi program yang melibatkan peluang keusahawanan, PeKA juga bekerjasama dengan agensi-agensi utama di peringkat persekutuan seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dan MARA. Program keusahawanan PeKA telah membantu melahirkan seramai 532 orang usahawan yang terdiri daripada anak-anak Negeri Perak. Berdasarkan rekod pencapaian PeKA dalam membantu anak-anak Perak mendapatkan pekerjaan dan melahirkan usahawan tersebut, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan **2.2 juta ringgit** pada tahun 2014.

## **Perumahan Awam Untuk Rakyat**

101. Kerajaan Negeri amat komited untuk melaksanakan segala janji-janji dalam manifesto Barisan Nasional Negeri Perak semasa Pilihan Raya Umum ke-13 yang lalu. Antaranya janji untuk menyediakan 20,000 perumahan mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat dari golongan berpendapatan sederhana ke bawah dan juga golongan muda.

102. Selain dari pembinaan rumah mampu milik yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB), Kerajaan Negeri telah mengarahkan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk membina **10,000 unit** rumah mampu milik bagi golongan tersebut sehingga tahun 2018. Sehingga kini, kawasan-kawasan yang sedang dibina perumahan mampu milik adalah di Hulu Kinta, Batu Gajah dan Tapah Road. Terdapat juga perancangan di kawasan-kawasan lain seperti di Meru Raya, Tanjung Tualang, Changkat Larang, Sungai Sempit di Manjung, Langkap dan Mukim Hulu Slim.

103. Selain itu, dua lagi **Program Perumahan Rakyat (PPR)** iaitu PPR Daerah Hilir Perak dan PPR Kerian sedang rancak dibangunkan. Untuk itu, pada tahun 2014 kerajaan akan menyediakan peruntukan **12 juta ringgit** dengan sasaran untuk menyiapkannya pada penghujung 2014. Rumah pangsa PPR Hilir Perak sebanyak 150 unit adalah untuk

disewa manakala 100 unit rumah teres PPR Kerian akan dijual pada harga yang berpatutan kepada golongan berpendapatan rendah.

104. Kerajaan Negeri telah mengumumkan untuk mewujudkan dana berbentuk “Rolling Plan” sebanyak **60 juta ringgit** bagi penyediaan perumahan untuk rakyat semasa pembentangan Bajet 2012 yang lalu. Untuk itu, peruntukan **8 juta ringgit** telah disediakan dalam tahun 2013 bagi menjayakan **Skim Rumah Insan Amanjaya (SRIA)** di bawah kendalian Yayasan Bina Upaya. Seterusnya, pada 2014, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan **5 juta ringgit** untuk melaksanakan Skim Rumah Insan Amanjaya (SRIA) tersebut.

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang Dipertua,

### **Kelestarian Budaya**

105. Pusat **People of Remarkable Talent (PORT)** telah ditubuhkan berperanan menjadi penggerak dan platform kegiatan golongan karyawan dan berbakat seni secara lebih tersusun dan seterusnya memberikan impak yang signifikan kepada masyarakat serta ketinggian budaya setempat. Di sini, aktiviti penyair, penyajak, penulis skrip, pelukis, pemuzik dan ahli sastera yang lain dapat dilaksanakan dan tidak berasa dipinggirkan. Bagi meningkatkan fungsi PORT ini, Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan khusus sebanyak **1 juta ringgit** pada tahun 2014.



106. Selain itu, peruntukan untuk **Majlis Kebudayaan Negeri dan Daerah** yang ditubuhkan bagi menyemarakkan lagi kegiatan kebudayaan di dalam Negeri Perak sama ada di peringkat sekolah, daerah dan negeri akan diteruskan pada 2014 dengan peruntukan **500 ribu ringgit**.

### **Program-program yang diteruskan**

107. Beberapa insentif dan kemudahan lain yang telah diumumkan semasa pembentangan Bajet-Bajet yang lalu akan diteruskan, termasuklah:

- i) Bayaran elaun tambahan sebanyak **200 ringgit sebulan** berserta elaun khas sebanyak **50 ringgit sebulan** kepada Ketua Kampung;
- ii) Anugerah menunaikan ibadah fardu Haji kepada Ketua Kampung berdasarkan kawasan Dewan Undangan Negeri;
- iii) Bayaran elaun tambahan **150 ringgit** sebulan kepada Ketua Kampung Kampung Baru, Kampung Bagan dan Kampung Rangkaian;
- iv) Pemberian peruntukan tahunan **3,000 ringgit** kepada setiap Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK);
- v) Bayaran elaun tambahan kepada guru-guru KAFA sebanyak **200 ringgit** sebulan;

- vi) Bayaran elaun bulanan **200 ringgit** kepada bilal dan siak;
- vii) Sumbangan **100 ribu ringgit** kepada Persatuan Bekas Tentera Malaysia Bahagian Perak;
- viii) Sumbangan **100 ribu ringgit** kepada Persatuan Bekas Polis Malaysia Negeri Perak;
- ix) Sumbangan **100 ribu ringgit** kepada Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Bahagian Negeri Perak; dan
- x) Peruntukan bagi pemberian khas untuk bakal pesara Kerajaan Negeri dari Kumpulan Pelaksana sebanyak **1 juta ringgit**. Bakal pesara akan menerima pemberian berbentuk Sijil Amanah Saham Bumiputera (ASB) untuk kaum Bumiputera atau Sijil Simpanan Premium untuk bukan Bumiputra bernilai **3 ribu ringgit**.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

## **FOKUS KEEMPAT: MEMPERKUKUHKAN PENTADBIRAN YANG RESPONSIF DAN INOVATIF**

### **Perkhidmatan Awam**

108. Perkhidmatan awam di Negeri Perak perlu sentiasa menyedari bahawa cabaran perkhidmatan awam pada masa kini amat berbeza berbanding cabaran pada masa lalu. Kini rakyat atau **dengan izin** stakeholders semakin hari semakin menuntut perkhidmatan yang lebih

cepat, cekap, telus dan efektif. Penjawat awam perlu memegang 6 Prinsip yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Cepat, Tepat dan Integriti (CTI), Produktif, Kreatif dan Inovatif (PCI) iaitu suatu prinsip yang holistik bagi memastikan perkhidmatan awam kekal relevan dan kompeten setiap masa dengan memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat bagi memenuhi keperluan dan aspirasi mereka.

109. Paradigma baru dalam konteks transformasi negara menuntut supaya perkhidmatan awam perlu lebih anjal atau fleksibel dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Dengan kata lain, perkhidmatan awam perlu sentiasa berorientasikan kepada kehendak rakyat yang sentiasa berubah pantas, selari dengan gaya hidup, tahap pembangunan sosioekonomi negara dan globalisasi.

110. Dalam usaha penyampaian perkhidmatan yang lebih baik, keperluan terhadap ilmu dan latihan terutamanya kepada kemahiran terkini **dengan izin *emerging skills*** kepada semua kelompok yang memberikan khidmat kepada masyarakat perlu disediakan dan diterapkan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak **7 juta ringgit** pada tahun 2014. Peruntukan tersebut akan digunakan bagi membangunkan ilmu, kemahiran dan latihan kepada semua kelompok yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat, bermula daripada ketua kampung, penghulu, kakitangan dan pegawai pentadbiran awam Negeri Perak termasuk latihan yang dikendalikan oleh Majlis Transformasi Negeri Perak (MANTAP).

## **Pencapaian Perkhidmatan Awam Negeri Perak**

111. Prestasi pengurusan kewangan jabatan-jabatan di Negeri Perak telah menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun-tahun sebelum ini. Ini dibuktikan apabila pada tahun 2013, buat pertama kalinya terdapat enam (6) buah jabatan Negeri Perak telah berjaya dianugerahkan pengiktirafan **tertinggi 4 Bintang** iaitu **Sangat Baik** oleh Jabatan Audit Negara dalam Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan bagi tahun 2012. Di Dewan yang mulia ini, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada keenam-enam jabatan tersebut iaitu Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIP), Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Majlis Bandaraya Ipoh.

112. Ini merupakan satu peningkatan ketara berbanding tahun lepas apabila hanya dua (2) buah jabatan negeri sahaja yang menerima 4 Bintang dalam Indeks Akauntabiliti iaitu Pejabat Kewangan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Sebagai menghargai pencapaian ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan insentif sebanyak **120,000 ringgit** kepada enam (6) buah jabatan tersebut. Diharapkan pada masa hadapan, akan terdapat lebih banyak jabatan Negeri Perak yang mencapai 4 Bintang melalui pengurusan kewangan yang lebih teratur dan mengikut peraturan.

113. Salah satu kejayaan penting perkhidmatan awam Negeri Perak dalam tahun 2013 ialah apabila Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak telah memenangi tempat pertama Anugerah Inovasi Pentadbiran Daerah dan Tanah semasa Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) peringkat kebangsaan pada 13 September 2013 yang lalu. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada semua kakitangan dan pegawai di Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak.

114. Sepuluh (10) inovasi yang telah diperkenalkan iaitu **Internal One Stop Center (i10)**, **1Kaunter**, **Terowong P2K (Pelupusan to Kaunter)**, **Touch Survey (T-Survey)**, **Skuad 766**, **Centralized Attest-Station**, **Queue Management System Survey (QMS Survey)**, **SPA Kaunter**, **Aerial Surveillance** dan **Mobile Enforcement Notice (MEN)** telah membolehkan mereka memenangi wang tunai sebanyak **300 ribu ringgit**. Oleh itu, saya amat menggalakkan jabatan-jabatan Negeri Perak dalam usaha-usaha dan budaya inovasi agar perkhidmatan yang diberikan dapat memenuhi ekspektasi rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

#### **FOKUS KELIMA: MENINGKATKAN JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM**

115. Pembangunan sosioekonomi yang menyeluruh di Negeri Perak adalah berkait rapat dengan penyediaan infrastruktur yang berkualiti

meliputi jaringan jalan raya dan sistem saliran yang bersistematik serta penyediaan kemudahan awam yang mencukupi. Sehubungan itu, penyediaan peruntukan yang berterusan dan bersesuaian adalah komitmen Kerajaan Negeri agar rakyat di Negeri Perak dan juga pelabur menikmati hasil pembangunan dan kemudahan yang disediakan. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan **65 juta ringgit** kepada Jabatan Kerja Raya pada tahun 2014 di mana **36 juta ringgit** akan digunakan untuk infrastruktur jalan dan jambatan, manakala **29 juta ringgit** akan digunakan untuk projek-projek bangunan.

116. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri (JPS) sebanyak **1 juta ringgit** menjadi **15 juta ringgit**. Daripada keseluruhan peruntukan untuk JPS tersebut, sebanyak **10 juta ringgit** akan dibelanjakan untuk tujuan Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar bagi mengurangkan risiko banjir di seluruh Negeri Perak terutama untuk empat (4) projek tebatan banjir bernilai **8.16 juta ringgit** yang mula dilaksanakan pada tahun 2013 dan dijadualkan siap pada tahun 2014 serta projek-projek baru. Senarai empat (4) projek berkenaan ialah pertama; Kerja Mendalam dan Membina Ban Sungai Slim, Daerah Batang Padang dengan kos **830 ribu ringgit**, kedua; Kerja Lencongan Sungai Sira/Sungai Rambutan, Lenggong bernilai **1.49 juta ringgit**, ketiga; Kerja menaik taraf Sistem Saliran Jajaran Z, Teluk Intan bernilai **4.20 juta ringgit** dan keempat; Kerja menaik taraf Sungai Pilus, Sungai Siput bernilai **1.64 juta ringgit**.

117. Sebagai tambahan, Jabatan Pengairan dan Saliran juga akan membelanjakan sebanyak **3 juta ringgit** di bawah peruntukan Mengurus pada tahun 2014 untuk kerja-kerja pengorekan sungai-sungai di seluruh Negeri Perak. Projek berkenaan merupakan lanjutan dari projek yang telah dimulakan pada tahun 2011 bagi memastikan sungai-sungai yang terbabit sentiasa dalam keadaan baik dan dapat mengalirkan air pada tahap maksimum untuk mengurangkan risiko kejadian banjir. Selain peruntukan mengurus **3 juta ringgit** tersebut, pihak JPS akan membelanjakan **2 juta ringgit** di bawah peruntukan Pembangunan untuk rancangan pengurusan dan pemuliharaan sungai-sungai pada tahun 2014.

### **Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian/Sungai Kurau**

118. Projek **Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian/Sungai Kurau** yang berjumlah **340 juta ringgit** telah dimulakan pada penghujung tahun 2012 melibatkan pembinaan ban pencegah banjir sepanjang 200 kilometer, 12 buah rumah pam serta mendalamkan sungai-sungai terbabit termasuk kolam Bukit Merah. Keseluruhan projek ini dijadualkan siap pada tahun 2015 dan dijangka akan dapat mengurangkan masalah banjir sekitar 90 peratus atau kepada hanya 35 kilometer persegi. Projek ini juga dijangka dapat menyelamatkan kawasan jelapang padi utama Negeri Perak seluas 4,000 hektar yang menyumbang sejumlah 16,000 metrik tan padi semusim serta menyelamatkan 10,000 hektar tanaman kelapa sawit

dengan pengeluaran hasil 300,000 metrik tan setahun di Daerah Kerian, Larut Matang dan Selama.

### **Lain-lain infrastruktur**

119. Keselesaan umat Islam dalam mengerjakan ibadah di masjid-masjid dan surau terus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Untuk itu, peruntukan **10 juta ringgit** akan diteruskan pada tahun 2014 bagi penyediaan infrastruktur surau dan masjid.

120. Begitu juga dengan kemudahan dan keselesaan penganut bukan Islam di Negeri Perak semasa mengerjakan amalan agama mereka di mana Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan **5 juta ringgit** pada tahun 2014.

121. Dalam usaha Kerajaan Negeri membantu Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan pelbagai projek infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan PBT-PBT, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan sebanyak **300 ribu ringgit** menjadi **3 juta ringgit** pada tahun 2014.

### **Peruntukan ADUN**

122. Peranan serta tanggungjawab Ahli Dewan Negeri, sama ada penyokong Kerajaan mahupun pembangkang, tidak pernah dipandang ringan oleh Kerajaan Negeri.



123. Untuk itu, buat pertama kalinya mulai tahun 2014, Kerajaan Negeri akan meluaskan bantuan bulanan Pusat Khidmat ADUN merangkumi kesemua 59 Pusat Khidmat ADUN, termasuk kawasan pembangkang, melibatkan peruntukan sebanyak **2.12 juta ringgit** atau **3 ribu ringgit sebulan**.

124. Sifat keterbukaan ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri yang diterajui Barisan Nasional untuk memulakan setapak lagi langkah ke hadapan ke arah transformasi dan kematangan berpolitik. Diharapkan dengan langkah budiman ini, ianya akan disambut dengan penuh hemah oleh semua pihak termasuk pihak pembangkang.

125. Kerajaan Negeri juga mencadangkan kenaikan **Elaun Saraan ADUN** daripada **4,112 ringgit dan 79 sen sebulan** kepada **6 ribu ringgit sebulan** yang dicadangkan untuk berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014. Oleh kerana ia memerlukan kelulusan pindaan terhadap Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) 1980, maka ia akan dibawa ke sidang dewan yang akan datang.

### **Bonus untuk kakitangan Kerajaan Negeri**

126. Sejajar dengan pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri, Kerajaan Negeri bersetuju untuk membayar bonus **setengah bulan gaji** atau minimum **500 ringgit** kepada kakitangan Kerajaan Negeri. Pembayaran bonus ini akan dibuat dalam bulan Januari 2014.

127. Bonus tersebut adalah tanda penghargaan pihak Kerajaan Negeri terhadap sumbangan dan kerja kuat kakitangan Kerajaan Negeri dalam menyempurnakan tugas-tadbir-urus yang telah membolehkan jentera kerajaan berfungsi dengan baik. Imbuhan tersebut mampu ditunaikan berkat pertambahan hasil negeri dan juga kedudukan kewangan negeri yang agak selesa.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

### **BAJET TAHUN 2014**

128. Penyata-penyata Bajet Tahun 2014 sebagaimana terkandung di dalam Kertas Dewan Bilangan 27 Palang 2013 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini mengandungi empat perkara berikut:

**Pertama:** Anggaran Hasil dan Terimaan Pembangunan berjumlah **970.14 juta ringgit**;

**Kedua:** Anggaran Perbelanjaan Mengurus di bawah Maksud Tanggungan dan Bekalan berjumlah **673.62 juta ringgit**;

**Ketiga:** Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah **338.98 juta ringgit**; dan

**Keempat:** Defisit berjumlah **42.46 juta ringgit**.

## **ANGGARAN HASIL DAN TERIMAAN PEMBANGUNAN 2014**

129. Hasil dan Terimaan Pembangunan tahun 2014 dianggarkan sebanyak **970.14 juta ringgit** yang terdiri dari Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah **927.14 juta ringgit** dan Terimaan Pembangunan **43 juta ringgit**. Anggaran ini dibuat berasaskan sumber-sumber hasil yang dikenal pasti dan juga tahap kemampuan pihak Kerajaan Negeri untuk memperolehnya.

## **PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2014**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

130. Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2014 dicadangkan sebanyak **673.63 juta ringgit**, iaitu peningkatan **47.36 juta ringgit** atau **7.56 peratus** berbanding **626.27 juta ringgit** pada tahun 2013. Perinciannya adalah seperti berikut:

**Pertama:** Emolumen berjumlah **312.89 juta ringgit**;

**Kedua:** Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah **236.13 juta ringgit**;

**Ketiga:** Aset berjumlah **15.44 juta ringgit**;

**Keempat:** Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah **107.35 juta ringgit**; dan

**Kelima:** Perbelanjaan Lain berjumlah **1.8 juta ringgit**.

131. Perbelanjaan mengurus akan meningkat setiap tahun di mana punca-punca utama kenaikan Perbelanjaan Mengurus 2014 adalah seperti berikut:

- i) Pertambahan emolumen berjumlah **14.45 juta ringgit** yang terdiri daripada pembayaran Kenaikan Gaji Tahun Kedua sebanyak **10.1 juta ringgit**, pengisian jawatan **3.94 juta ringgit** dan peningkatan bayaran elaun lebih masa sebanyak **410 ribu ringgit**.
- ii) Penyediaan peruntukan untuk kursus dan latihan sebanyak **7 juta ringgit**
- iii) Bayaran emolumen untuk pegawai-pegawai kontrak dan sambilan di Maahad Tahfiz di lima buah daerah yang berkenaan sebanyak **3 juta ringgit**
- iv) Peningkatan peruntukan bagi Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak **2 juta ringgit** kepada **24.84 juta ringgit**

- v) Kenaikan **3.50 juta ringgit** untuk kos perkhidmatan kawalan keselamatan sebanyak **2 juta ringgit** dan perkhidmatan kebersihan sebanyak **1.5 juta ringgit** kesan pelaksanaan bayaran gaji minimum
- vi) Kenaikan peruntukan bagi rawatan perubatan untuk pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri, ADUN dan pesara Kerajaan Negeri sebanyak **2 juta ringgit** kepada **8 juta ringgit**.
- vii) Kenaikan perbelanjaan bayaran pencen kepada bekas-bekas ADUN sebanyak **750 ribu ringgit**.
- viii) Kenaikan peruntukan mengurus untuk Yayasan Bina Upaya sebanyak **500 ribu ringgit** kepada **1.5 juta ringgit**.
- ix) Kenaikan peruntukan mengurus untuk Perbadanan Perpustakaan Negeri sebanyak **300 ribu ringgit** kepada **4.5 juta ringgit**.

## **PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2014**

132. Sejumlah **338.98 juta ringgit** dicadangkan bagi Perbelanjaan Pembangunan tahun 2014. Jumlah ini bertambah **16.78 juta ringgit** ataupun **5.2 peratus** berbanding tahun 2013, iaitu **322.2 juta ringgit**.

133. Agihan peruntukan pembangunan 2014 adalah seperti berikut:

- P.01 - Jabatan Kerja Raya sebanyak **65 juta ringgit**;
- P.02 - Pelbagai Kerja dan Perkhidmatan Sosial **81.8 juta ringgit**;
- P.03 - Jabatan Pengairan dan Saliran **15 juta ringgit**;
- P.04 - Jabatan Pertanian **8 juta ringgit**;
- P.05 - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri **30.58 juta ringgit**;
- P.06 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar **9 juta ringgit**;
- P.07 - Jabatan Perhutanan **7.5 juta ringgit**;
- P.08 - Jabatan Agama Islam **8.2 juta ringgit**;
- P.09 - Jabatan Kehakiman Syariah **3.8 juta ringgit**; dan
- P.10 - Pelbagai Projek **110.1 juta ringgit**.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Justifikasi dan Implikasi Kewangan**

134. Bajet 2014 yang disediakan ini melibatkan belanjawan berjumlah **1,012.6 juta ringgit** atau (**satu bilion, dua belas perpuluhan enam juta ringgit**) yang dibiayai oleh anggaran hasil dan terimaan pembangunan berjumlah **970.14 juta ringgit**, justeru menyebabkan defisit yang dianggarkan **42.46 juta ringgit**.

135. Dari jumlah belanjawan tersebut, **673.63 juta ringgit** adalah perbelanjaan mengurus. Ini merupakan **66.52 peratus** dari jumlah belanjawan dan **69.43 peratus** dari jumlah anggaran hasil dan terimaan pembangunan. Berbanding dengan bajet 2013, perbelanjaan mengurus telah mencatatkan peningkatan sebanyak **47.36 juta ringgit** kepada **673.63 juta** berbanding **626.27 juta ringgit** pada tahun 2013, pertambahan pada kadar **7.56 peratus**.

136. Peningkatan perbelanjaan mengurus pada setiap tahun bukanlah perkara luar biasa kerana gaji dan emolumen penjawat awam dan harga semasa bagi perolehan barang dan perkhidmatan sentiasa meningkat mengikut pasaran. Namun, walau pun peningkatan pada kadar **7.56 peratus** itu adalah norma yang boleh diterima (*acceptable norm*), Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mengawalinya dan dalam masa yang sama memastikan setiap ringgit yang dibelanjakan menepati amalan berhemah serta berjustifikasi terhadap keberhasilan.

137. Pada tahun 2014 sebanyak **338.98 juta ringgit** diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan. Berbanding bajet 2013, jumlah ini bertambah **16.78 juta ringgit** atau **5.2 peratus** dan ianya merupakan **33.47 peratus** dari jumlah belanjawan dan **34.94 peratus** dari anggaran hasil dan terimaan pembangunan.

138. Jika dibandingkan dengan nisbah pertambahan hasil secara bandingan dengan tahun 2013, pada tahun 2013 jumlah hasil dan terimaan pembangunan adalah **905.61 juta ringgit**, manakala peruntukan pembangunan **322.20 juta ringgit**, iaitu merupakan **35.57 peratus**. Pada tahun 2014, anggaran hasil dan terimaan pembangunan berjumlah **970.14 juta ringgit** dan peruntukan pembangunan **338.98 juta ringgit**, iaitu **34.94 peratus**.

139. Dipaparkan angka-angka perbandingan ini supaya pemahaman kita mengenai tahap keupayaan berbelanja untuk pembangunan adalah dibatasi oleh faktor peningkatan belanja mengurus. Ia tidak harus ditafsirkan sebagai suatu faktor kelemahan atau tandus upaya, melainkan dengan niat nakal atau tohmahan semata.

140. Satu lagi perkara yang sering menarik komen dari Ahli-Ahli Dewan dan juga para pemerhati serta penganalisis ialah mengenai defisit Bajet 2014 ini menganggarkan defisit sebanyak **42.46 juta ringgit** berbanding **42.86 juta ringgit** pada tahun 2013, iaitu berkurangan sebanyak **400 ribu ringgit**.



141. Untuk makluman, semenjak tahun 2009 Kerajaan Negeri telah pada setiap tahun menyediakan bajet defisit. Walau bagaimanapun, pada setiap tahun berkenaan, bajet negeri telah berakhir dengan lebihan, kecuali Bajet 2013 yang belum ditutupkira akaunnya. Ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menguruskan kewangan negeri. Hakikat ini harus dijadikan sandaran bahawa sekalipun bajet defisit yang disediakan, ia tidak semestinya berkesudahan dengan defisit sebenar (*real deficit*) pada penghujung tahun 2014 kelak.

142. Hasil usaha gigih semua pihak terbabit, Bajet 2014 ini telah disediakan melalui pendekatan holistik, realistik, *developmental* (berpembangunan), inklusif dan boleh diurus atau manageable **dengan izin.**

143. Holistik dalam ertikata mencakupi pelbagai dimensi, realistik pada ukuran upaya, berpembangunan pada pengisian dan keberhasilannya, inklusif atas keterangkuman golongan sasaran dan *manageable* dalam maksud boleh diuruskan dengan mapan.

144. Atas sifat dan kandungannya yang sedemikian itu, rakyat dan negeri Perak boleh mengharapakan Bajet 2014 ini mampu meneruskan agenda pembangunan seperti yang diharapkan.

145. Bukanlah sesuatu yang mudah untuk menyediakan bajet yang sekali gus menambah peruntukan pembangunan dan mengurangkan anggaran defisit. 'Hanya jauhari yang tahu mengenal ma'nikam!.

## **Penghargaan dan Terima Kasih**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

146. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan serta ucapan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas segala bantuan sama ada berbentuk dana mahu pun perkhidmatan yang diberikan kepada Negeri Perak.

147. Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan serta ucapan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Bajet 2014 ini, termasuk pemimpin-pemimpin masyarakat, masyarakat sivil dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, golongan peniaga dan korporat serta cendekiawan yang telah menyumbangkan idea serta cadangan bernas melalui sesi-sesi dialog yang diadakan.

148. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga saya sampaikan kepada semua jabatan serta agensi kerajaan yang telah memberikan input dalam penyediaan Bajet 2014 ini.

## **PENUTUP**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan sekalian.

149. Bajet yang dibentangkan hari ini merupakan cernaan harapan dan iltizam kerajaan negeri untuk menyediakan projek dan program yang nyata buat rakyat. Malah InsyaAllah untuk tempoh lima tahun mendatang, kerajaan negeri akan terus membentangkan belanjawan yang telah digariskan dalam janji atau manifesto yang ditawarkan pada PRU Ke-13 yang lalu.

150. Bagi kerajaan Barisan Nasional, kita menawarkan janji dengan berpegang kepada prinsip bersaing atas perkara-perkara yang berpijak di bumi nyata. Adalah amat malang jika janji-janji yang dihidangkan kepada rakyat ibarat menanam tebu di bibir.

151. Sebagai pemimpin, kita yang berada di dalam Dewan yang mulia ini harus sedar keperluan memelihara tanggungjawab dan kewajipan politik supaya dapat diseimbangkan antara tuntutan agenda perjuangan dan realiti masyarakat yang menyokong kita. Dalam kita mendapatkan sokongan, sebagai ahli politik, kita mempunyai tanggungjawab dalam memastikan akibat dan kesan tindakan kita kepada masyarakat.

152. Jangan semata-mata kerana sokongan, kita merelakan perkara yang boleh membawa kepada kehancuran kestabilan politik. Janganlah menghamparkan harapan yang tidak mampu dipenuhi. Janganlah asal menang, ada yang sanggup menjanjikan bulan dan bintang. Janganlah demi kuasa, nasib rakyat dan negeri menjadi galang gantinya.

153. Dikhuatiri disebabkan janji parti politik yang muluk-muluk belaka, harapan rakyat tidak dapat dipenuhi. Ini pada akhirnya, menjelmakan sebuah **revolusi peluapan harapan (*the revolution of rising expectations*)**, iaitu sebuah harapan yang membuak-buak yang dijanjikan kepada rakyat, tetapi tidak terpenuhi. Keadaan ini menyebabkan berlakunya simpang siur politik yang tidak berkesudahan. Dalam kekacauan politik yang berlaku, parti-parti politik akan terus menawarkan janji yang tidak akan mampu memenuhi harapan rakyat hanya untuk mendapatkan semula kuasa. Kerajaan akan silih berganti, pergolakan politik mula menular kepada gugatan keamanan dan keselamatan.

154. Suburnya ***revolution of rising expectations*** dengan izin bukan satu hipotesis tetapi telah pun berlaku di depan mata kita seperti di Greece dan beberapa negara di Latin Amerika. Meskipun para pemimpin dan kerajaan silih berganti, negara masih terus bergolak. Manifesto yang dijanjikan terus diperbaharui dengan harapan-harapan yang mustahil dapat diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan.

155. Meminjam ungkapan yang pernah dilontarkan oleh bekas Presiden Amerika Syarikat ke-32, Franklin D. Roosevelt dengan izin ***“There is a mysterious cycle in human events. To some generations much is given, of other generations much is expected”***

***Dalam perjalanan hidup manusia, ada putaran yang penuh misteri. Bagi sesetengah generasi, banyak yang telah diberikan; manakala bagi sesetengah generasi lain, banyak yang masih diharapkan.***

156. Oleh yang demikian, proses yang cukup sukar bagi seorang ahli politik ketika ini adalah untuk mengimbangi di antara tuntutan dan harapan berikutan wujudnya ***the revolution of rising expectations***. Sekiranya ini tidak ditangani dengan baik, maka ***‘streetocracy’*** akan menggantikan demokrasi, di mana rakyat akan menggunakan demonstrasi jalanan bagi menjatuhkan kerajaan yang dipilih melalui proses demokrasi sepertimana yang berlaku di bumi Mesir.

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang Dipertua,

157. Bajet yang dirangka ini telah mengambil kira pandangan secara demokrasi daripada rakyat. Dalam menyediakan dan berusaha memenuhi harapan rakyat, perkara paling penting yang perlu dijamin adalah keamanan dan kedamaian. Rakyat perlu hidup secara demokrasi, aman dan damai. Mereka mempunyai hak untuk

memperoleh apa yang mereka idamkan tanpa mengganggu gugat kehidupan mereka, tanpa melalui kekecohan dari siri-siri demonstrasi jalanan.

158. Saya ingin mengingatkan diri saya serta semua kita yang berada di dalam Dewan yang mulia ini, kejayaan yang telah kita capai setakat ini, adalah atas usaha dan kerja terbaik kita. Namun ianya jauh daripada sempurna. Kita akan terus berusaha untuk memberi yang terbaik demi rakyat dan Negeri Perak.

159. Marilah kita bersama-sama memanjatkan doa, memohon kepada Allah s.w.t, supaya Negeri Perak yang dicintai ini, dijauhkan daripada mara bahaya dan musibah yang berulang-ulang akibat perselisihan politik yang tiada penyudahnya.

160. Marilah kita sama-sama melangkah ke satu era politik yang berhemah serta beradab agar perbezaan yang wujud itu menjadi satu kekuatan dalam usaha kita membina negeri tercinta ini, bukan melahirkan bibit-bibit kebencian serta sikap yang langsung tidak rasional dalam melakukan sesuatu tindakan dan tuntutan.

161. Saya juga ingin mengajak seluruh rakyat dan juga warga perkhidmatan awam supaya sama-sama berganding bahu bagi menterjemah dan melaksanakan segala yang digariskan dalam Bajet

2014 demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran Perak Darul Ridzuan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua, dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan sekalian,

162. Bajet adalah pelita yang menyuluh perjalanan kita sepanjang tahun operasinya. Bajet juga adalah mekanisma yang memberikan sumber pembiayaan serta mengawal perbelanjaan.

163. Kerajaan Negeri yang diterajui Barisan Nasional mengambil iktibar serta beriltizam untuk berpegang teguh kepada pendekatan tersebut dalam kerangka 'janji ditepati'. Dalam masa yang sama, saya ingin mengajak sekalian rakyat dan juga warga perkhidmatan awam supaya sama-sama berganding bahu merintis jalan untuk menjadikan Bajet 2014 suatu realiti yang terisi dengan segala rahmat kesejahteraan untuk semua.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,  
Saya mohon mencadangkan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq Walhidayah, Wasalamulaikum Warahmatullahi  
Wabarokatuh.